

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA, PARLIMEN KEEMPAT  
BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN HAJI WAN HASSAN BIN MOHD  
RAMLI  
[ DUNGUN ]

TARIKH : 01 NOVEMBER 2018 (KHAMIS)

SOALAN NO. 4

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan jumlah pampasan yang telah dibayar kepada syarikat swasta yang menjadi pengendali Sistem Penguatkuasaan Automatik (AES) setelah diambil alih oleh JPJ.

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Kerajaan dalam tahun 2012, telah melancarkan projek AES (dijenamakan semula kepada AwAS pada tahun 2017) dengan pelantikan syarikat Beta Tegap Sdn Bhd (BT) dan A.T.E.S. Sdn Bhd (ATES) secara penyumberluaran (*outsourcing*) bagi membangun dan mengoperasi projek berkenaan. Kontrak perjanjian asal dengan syarikat A.T.E.S. Sdn Bhd (ATES) telah berkuatkuasa mulai 9 Disember 2011 dan tamat pada 26 Ogos 2017. Kontrak dengan syarikat A.T.E.S. Sdn Bhd (ATES) telah disambung sebanyak dua kali iaitu pada 27 Ogos 2017 sehingga 26 Februari 2018 dan pada 27 Februari 2018 sehingga 26 Ogos 2018.
2. Kontrak perjanjian asal dengan syarikat Beta Tegap Sdn Bhd (BT) pula telah berkuatkuasa mulai 9 Disember 2011 dan tamat pada 31 Ogos 2017. Kontrak dengan syarikat Beta Tegap Sdn Bhd (BT) telah disambung sebanyak dua kali iaitu pada 1 September 2017 sehingga 28 Februari 2018 dan pada 1 Mac 2018 sehingga 31 Ogos 2018.
3. Semenjak dari mula pelaksanaannya, projek ini telah mendapat maklum balas yang amat negatif daripada orang ramai. Apabila Pakatan Harapan diberi mandat oleh rakyat Malaysia untuk membentuk Kerajaan baharu dalam bulan Mei yang lalu, semua terma-terma dan syarat perjanjian konsesi AWaS telah diteliti semula. Hasil dari penelitian ini, Kerajaan Pakatan Harapan mendapati model konsesi AWaS tersebut tidak memberikan

manfaat bersih kepada Kerajaan dan terma-termannya amat berat menyebelahi kedua-dua syarikat.

4. Justeru, atas kepentingan negara dan rakyat Malaysia, Kerajaan telah memutuskan untuk membiarkan kedua-dua Perjanjian Konsesi AwAS antara Kerajaan Malaysia dengan Beta Tegap Sdn Bhd dan AES Sdn Bhd luput dengan sendirinya (*natural death*), masing-masing pada 26 Ogos 2018 dan 31 Ogos 2018. Mulai tarikh tersebut dan selari dengan klausa-klausa perjanjian, kesemua aset dan operasi AWaS telah diambilalih oleh Kerajaan. Operasi AwAS kini dilaksanakan sepenuhnya oleh Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ).
5. Bagi menjawab soalan **YB Dungun**, kerajaan pada masa ini sedang berbincang dengan syarikat terbabit mengenai isu-isu berbangkit akibat dari peluputan perjanjian tersebut termasuk isu pampasan yang dikemukakan syarikat. Setakat semasa, Kerajaan masih lagi dalam proses meneliti jumlah pampasan yang telah dituntut oleh pihak syarikat. Perbincangan di antara pihak Kementerian Pengangkutan, Kementerian Kewangan, Jabatan Peguam Negara dan Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) telah diadakan sebanyak tiga kali setakat ini. Dalam perbincangan yang terkini pada 26 Oktober 2018, semua pihak telah bersetuju supaya tuntutan akhir daripada LTAT dipanjangkan kepada Kementerian Kewangan untuk diteliti secara terperinci dengan melihat segala elemen kos yang telah dikemukakan. Dalam hubungan ini, Kementerian Kewangan akan membuat penelitian secara terperinci dan akan memberi cadangan kepada pihak Kerajaan mengenai apa-apa sahaja kaedah penyelesaian ke atas tuntutan yang telah

**NO. SOALAN: 4**

dikemukakan oleh LTAT. Proses ini dijangka akan dimuktamadkan sebelum akhir tahun 2018. Perkembangan akhir mengenai perkara ini akan diumumkan sebaik sahaja diluluskan oleh pihak Jemaah Menteri.

Sekian, terima kasih.